



فليتا بروني
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.51 | SUBUH 5.01 | SYURUK 6.24 | DUHA 6.48 | ZUHUR 12.20 | ASAR 3.42 | MAGHRIB 6.14 | ISYAK 7.29

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 154

23 DISEMBER 2024 / 1446 21 جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

RAIH RAHMAT ALLAH DENGAN AMALAN MEMBACA SURAH AD-DUKHAN

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Malam Munajat Kali Ke-165.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Disember. - Surah Ad-Dukhan adalah surah ke 44 dalam Al-Quran dan tergolong dalam surah Makkiyah yang mengandungi 59 ayat.

Dinamakan Ad-Dukhan yang bererti asap, jerebu atau kabut yang diambil dari kata Ad-Dukhan yang terdapat pada ayat 10 dalam surah berkenaan.

Surah tersebut mengandungi amaran Allah Subhanahu Wata'ala terhadap kaum musyrik yang menentang Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa mereka akan ditimpakan azab sengsara semasa langit membawa asap kemarau yang menyebabkan kebuluran yang amat dahsyat.

Perkara ini terjadi berikutan orang-orang kafir Mekah telah melampaui batas dalam

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

menentang dan menghalangi agama Islam, dengan menyakiti dan menderhakai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan kerana itu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam telah berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar diturunkan azab.

>> Muka 2

**Operasi Blockade
berjaya kesan
kegiatan
percubaan
sindiket dadah
antarabangsa**

Siaran Akhbar :
Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah berjaya mengesan kegiatan percubaan sindiket dadah antarabangsa yang menggunakan Negara Brunei Darussalam sebagai hab transit dadah.

Menerusi Operasi Blockade pada awal November 2024, BKN telah berhasil mengesan percubaan sindiket berkenaan yang menjadikan negara ini sebagai titik asal (*point of origin*) tempat penghantaran dadah ke beberapa buah negara lainnya di Timur Tengah, Eropah, Asia Timur dan Benua Australia.

Kes ini melibatkan beberapa siri penyeludupan dadah oleh sindiket dadah antarabangsa yang dipercayai berpusat di Benua Amerika.

>> Muka 5

MANISNYA IMAN ایمان

DARIPADA Abdullah bin Mas'ud RA berkata,
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda:
"Maksudnya: Tidak akan masuk syurga sesiapa yang wujud sifat
sombong di dalam hatinya meskipun sebesar zarah."

Muslim : 91

Raih rahmat Allah dengan amalan membaca Surah Ad-Dukhan

>> Muka 1

Perkara tersebut antara inti pati Tazkirah bertajuk 'Tadabbur Surah Ad-Dukhan' yang sampaikan oleh Ketua Unit Agama dan Akhlak, Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir, Awang Ahmad Nasyaruddin bin Haji Abdul Rahim, dari Surau Darussalam, Republik Arab Mesir bagi menyerikan lagi Malam Munajat Kali Ke-165 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Antara kelebihan membaca surah Ad-Dukhan sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Ummah Radiallahu Anhu yang bermaksud "Sesiapa yang membaca surah Ad-Dukhan pada malam atau hari Jumaat maka Allah akan membinakan sebuah rumah dalam syurga." (HR: At Tabrani).

Tazkirah juga menyeru para hadirin untuk mengamalkan surah Ad-Dukhan untuk mendapatkan rahmat Allah Yang Maha Luas dan menambah iman dalam diri kita. Surah itu juga amat digalakkan untuk dihafal selain dari surah Al-Mulk, Yaa Siin dan As-Sajdah.

Malam Munajat anjuran KHEU

diteruskan lagi malam tadi untuk Kali Ke-165 dan minggu ini mengundang tetamu khas, Duta Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Kaherah, Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Haji Md. Salimin bin Pengiran Haji Md. Daud, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dari Surau Darussalam, Republik Arab Mesir.

Turut mengimarahkan acara Munajat malam tadi ialah Jawatankuasa Takmir Masjid, pelajar-pelajar NBD di Kaherah, Republik Arab Mesir serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat dari seluruh negara berjumlah 43 buah.

Juga menyemarakkan acara Munajat, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha, diteruskan dengan bacaan Surah Ad-Dukhan beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Awang Mohd. Hanafi, Mahasiswa Tahun 3, Ma'had Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir.

Manakala Doa Munajat

dibacakan oleh Presiden Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir, Awang Muhammad Izz bin Masdi Wijaya.

Sejurus selesai Tazkirah, program disusuli dengan bacaan Zikir Al-Maghfirah Wa Ar-Rahmah beramai-ramai yang dipimpin oleh Awangku Muhammad Idris Fadhllee bin Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim, Mahasiswa Tahun 1, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharaan Sultan dan NBD dibacakan oleh Pegawai Kesejahteraan Penuntut Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir, Awang Sheifol bin Haji Mohamad Hely, dari Surau Darussalam, Republik Arab Mesir.

Malam Munajat mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merakfakan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala

■ Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

bencana dan penyakit merbahaya. Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.




JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

WAKTU SEMBAHYANG											
DISEMBER	MASIH	HARI	JAMADILKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	ISNIN	21	4.51	5.01	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29	
24	SELASA	22	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30	
25	RABU	23	4.52	5.02	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30	
26	KHAMIS	24	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31	
27	JUMAAT	25	4.53	5.03	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31	
28	SABTU	26	4.53	5.03	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32	
29	AHAD	27	4.54	5.04	6.27	6.51	12.23	3.45	6.18	7.32	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



SIDANG PENGARANG

Berselawat bukti cinta kita kepada Rasulullah

SELAWAT merupakan pujian atau doa atas kesejahteraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di mana jika kita amalkan banyak kelebihan atau fadilat yang bakal diperoleh.

Malah selawat ini sangatlah digalakkan dan dituntut untuk dilakukan oleh umat Islam. Melalui ibadah ini, kita telah mendoakan kesejahteraan ke atas Junjungan Besar kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dalam masa yang sama kita turut memperoleh pahala ibadah.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56 yang tafsirnya : "Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) ke atas Nabi (Muhammad). Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atasnya serta ucapkanlah salam dengan penghormatan yang sepenuhnya".

Antara kelebihan dan kebaikan yang bakal diperoleh oleh orang yang sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini ialah dituliskan oleh malaikat 10 kebaikan atas setiap selawat; dihapuskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala 10 kejahanatan atas setiap selawat; segala doa akan diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala; mendapat syafaat daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam; mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta akan ditutup segala keibaian dan Allah Subhanahu Wata'ala akan menutupi segala perasaan dukacita.

Melihat kepada banyaknya ganjaran bagi mereka yang berselawat, maka alangkah ruginya jika kita sebagai umatnya tidak memperbanyakkan selawat dan menjadikannya sebagai zikir dan amalan harian.

Begitulah hebatnya amalan berselawat. Jasa yang cukup besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umatnya adalah Baginda menyebabkan kita dapat mencapai nikmat iman dan Islam.

Oleh yang demikian, sama-sama kita perbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai rasa kasih dan cinta kita terhadapnya. Dengan banyak berselawat adalah salah satu bukti kecintaan kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu bersesuaian dengan kedudukan selawat itu sendiri yang memiliki pelbagai keistimewaan dan kelebihan di sisi Allah Subhanahu Wata'ala maka sewajarnya amalan selawat ini diberi perhatian berat dan diamalkan oleh setiap umat Islam.

Mudah-mudahan dengan memperbanyakkan berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, umat Islam, rakyat dan penduduk negara ini serta negara kita akan sentiasa aman sejahtera dan dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin. - Ketua Penyuntingan (HS)*

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابن قراغن، جابن فردان منتری دان چیتقو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

TANGANI NCD DENGAN UJIAN SARINGAN, CEGAH KOMPLIKASI LEBIH SERIUS

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Antara fokus utama Kementerian Kesihatan dalam menangani NCD pada masa ini jelasnya, adalah dengan menyediakan ujian saringan bagi membolehkan pengesahan awal dan pencegahan komplikasi daripada menjadi lebih serius.

Dengan adanya program saringan kesihatan yang dapat diakses dengan mudah oleh semua penduduk dan rakyat di negara ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil peluang untuk tampil dan menghadirkan diri bagi membuat pemeriksaan awal memandangkan pengesahan awal penyakit seperti Kanser Kolorektal, Kanser Payudara, penyakit jantung

dan diabetes, bukan sahaja katanya, akan mengurangkan kos rawatan, malahan juga bertujuan untuk mengurangkan komplikasi, memberi peluang yang tinggi untuk sembuh dan mampu mengurangkan beban yang lain kepada pesakit, ahli keluarga dan juga masyarakat.

Bahkan, Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Kesihatan juga mengambil peluang penggunaan teknologi tinggi dengan menyerapkan Artificial Intelligence (AI) dalam membantu pakar - pakar perubatan mengendalikan rawatan.

"Pada bulan Oktober 2024, Kementerian Kesihatan telah pun memperkenalkan Program Saringan Diabetes Retinopathy

Kebangsaan Menggunakan AI dengan menggunakan Sistem EyRIS SELENA+.

"Penyaringan melalui menggambar iris mata dan penggunaan perisian AI Software memberikan hasil yang sangat memberangsangkan dalam pengesahan awal referable diabetic retinopathy iaitu tahap diabetic retinopathy yang memerlukan rawatan dalam kalangan pesakit di negara ini dan dalam masa yang sama, meningkatkan peratus kehadiran pesakit untuk membuat saringan mata mengambil kira penggunaan Sistem AI ini hanya mengambil lebih kurang 5 hingga 10 minit," tambah Yang Berhormat lagi.

Bukan itu sahaja, Kementerian Kesihatan juga ujarnya, telah melancarkan saringan bagi Kanser Serviks dengan menggunakan

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.

saringan genomik. Dalam pengurusan risiko kanser, saringan genomik dapat mengesan mutasi dalam gen yang dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser.

Justeru itu, individu yang dikesan mempunyai mutasi ini tegasnya, boleh menjalani pemantauan yang lebih intensif, membuat pilihan pembedahan, menjalani rawatan atau langkah pencegahan dengan lebih awal bagi mengurangkan risiko komplikasi yang serius.

Saringan genomik ini tegas, Yang Berhormat lagi, boleh membantu dalam merancang rawatan kanser yang lebih tepat berdasarkan profil genetik tumor, memaksimumkan keberkesanan rawatan dan mengurangkan kesan sampingan.



Kementerian Kesihatan sentiasa perbaiki sistem penjagaan kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata, Kementerian Kesihatan telah pun memperkenalkan Program 'BALANCE' melalui aplikasi BruHealth yang bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat kepada penghidap penyakit Diabetes Jenis 2 tentang pemakanan yang sihat, senaman serta pemantauan paras dalam darah.

Jelas Yang Berhormat, ini mengambil kira akan peningkatan kes penyakit Diabetes Jenis 2 di Negara Brunei Darussalam ini dengan anggaran 1 daripada 10 orang dan peningkatan komplikasi penyakit diabetes seperti kegagalan buah pinggang, buta dan pengudungan kaki.

Yang Berhormat menggariskan perkara itu pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, program tersebut membantu pihak Kementerian Kesihatan untuk menilai keberkesanannya intervensi digital dalam menambah baik kawalan penyakit diabetes dengan memberikan tumpuan kepada perubahan gaya hidup yang sihat dan pengurusan diri sendiri.

Dalam meningkatkan lagi kegiatan fizikal di negara ini, Kementerian Kesihatan juga katanya lagi, telah pun melancarkan BN on The Move secara berperingkat sebagai pelan promosi kesihatan yang bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat melalui berjalan kaki atau meningkatkan tahap aktiviti fizikal melalui aktiviti-aktiviti senaman yang boleh meningkatkan jumlah langkah yang diambil setiap hari sama ada secara individu atau berkumpulan.

"Dalam masa yang sama, perkhidmatan penjagaan kesihatan tidak akan sempurna tanpa adanya prasarana atau infrastruktur yang baik, selamat, mencukupi dan sedia untuk menampung perkembangan



SUASANA Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

"Pada tahun ini, Kementerian Kesihatan telah pun mengadakan Kejohanan BN on The Move 2024 (BN on The Move Championship 2024) dengan slogan 'Brunei Melangkah Maju' selama empat bulan dan Alhamdulillah, lebih daripada 10 bilion jumlah langkah direkodkan semasa kejohanan tersebut," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, usaha-usaha bagi memantapkan pendidikan kesihatan atau *health literacy* dalam kalangan rakyat dan penduduk negara, tambah Yang Berhormat, juga akan diteruskan bagi tujuan meningkatkan lagi kesedaran dan kebertanggungjawaban masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan amalan cara hidup sihat.

"Dalam masa yang sama, perkhidmatan penjagaan kesihatan tidak akan sempurna tanpa adanya prasarana atau infrastruktur yang baik, selamat, mencukupi dan sedia untuk menampung perkembangan

penduduk dan keperluan perkhidmatan tambahan pada masa akan datang," kata Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan ujarnya, berhasrat untuk menaik taraf infrastruktur dan bangunan-bangunan hospital yang sudah lama bagi keselesaan pesakit dan ahli keluarga pesakit dengan meneliti faedah jangka panjang dan keberkesanannya dari segi kos.

Ini terang Yang Berhormat, termasuklah Projek Pembinaan Blok Baharu Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Projek Penambahan Blok Kecemasan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Projek Pembinaan Dua Buah Pusat Kesihatan yang baharu dan Projek Pembinaan Dua Buah Makmal.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan berharap untuk sentiasa memperbaiki sistem penjagaan kesihatan dengan memastikan semua lapisan masyarakat

mendapat manfaat daripada sistem kesihatan yang mampan dan inklusif dan seterusnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh itu, Yang Berhormat berharap perbincangan pada Sesi Muzakarah berkenaan bukan hanya membincangkan kepada isu-isu semasa malahan juga dijadikan sebagai satu peluang untuk sama-sama bercambah fikiran dan memberikan idea-idea yang boleh dijadikan sebagai satu perancangan untuk dicapai pada masa akan datang.

Yang Berhormat juga percaya apa jua usaha yang dibuat akan dapat dicapai dengan pendekatan yang proaktif, berpandangan jauh dan semua pihak menjalankan peranan dan memikul tanggungjawab masing-masing.

Malahan Kementerian Kesihatan juga peka akan pentingnya meningkatkan hasil kerajaan dan mengurangkan tunggakan hasil kerajaan.

InsyaaAllah dalam masa yang terdekat ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan akan membuat pembarigaan berhubung insurans pekerja asing yang diharap akan mengurangkan risiko majikan menanggung beban tuntutan rawatan hospital jika pekerja di bawah kawalannya dimasukkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan.

"Mudah-mudahan perbincangan yang produktif di dalam Sesi Muzakarah pada hari ini, akan mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Semoga kita diberi petunjuk dan hidayah dalam membuat sebarang keputusan serta sentiasa berada di jalan yang lurus lagi diberkati oleh-Nya. Sekian sahaja dari peramba / kaola / saya buat masa ini dan sekali lagi diucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada hari ini," ucap Yang Berhormat mengakhiri ucapannya.

SESI MUZAKARAH KEMENTERIAN KESIHATAN BERSAMA AHLI MMN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa sesi bergambar ramai.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 21 Disember. - Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pagi tadi mengadakan Sesi Muzakarah bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Seramai 10 orang Ahli-ahli MMN menghadiri Sesi Muzakarah tersebut yang diketuai oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Sesi Muzakarah ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha

dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'ee bin Begawan Mudim bin Haji Matassim.

Ini seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan disusuli dengan ucapan balas yang disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz selaku Ketua Rombongan bagi Ahli-ahli MMN.

Majlis seterusnya diikuti dengan Sesi Dialog di antara Ahli-ahli MMN dan pihak Kementerian Kesihatan. Sesi Muzakarah yang diadakan

KENANG JASA WARGA EMAS



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 21 Disember. - Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong pagi tadi mengadakan Majlis Ramah Mesra PKWE sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2024 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, PKWE Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, diteruskan dengan persembahan nyanyian lagu daripada Kumpulan PKWE CERIA dan ucapan daripada Awang Haji Hamaffi bin Md. Yassin selaku Pengurus Majlis.

Awang Haji Hamaffi dalam ucapannya menjelaskan, antara objektif majlis berkenaan diadakan adalah bagi mengeratkan lagi silaturahim yang sedia ada dalam kalangan ahli-ahli lama dan ahli-ahli yang baru di PKWE Tutong.

"Ia juga adalah sebagai tanda kesyukuran bagi mengenang dan menghormati jasa bakti golongan warga emas terhadap keluarga, terhadap masyarakat dan negara serta meningkatkan lagi

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong selaku tetamu kehormat majlis semasa menyampaikan hadiah kepada penerima (atas). Manakala gambar kiri, antara persembahan pada majlis tersebut.

ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'alaa dengan penuh keyakinan dan keikhlasan serta menjadi wadah untuk bersungguh-sungguh dalam menuju ke arah kebaikan," tambah beliau lagi.

Acara kemudiannya diserikan lagi dengan penyampaian hadiah dan sijil bagi Peraduan Mengubah Bunga Manik, Peraduan Memasak, Pertandingan Boling dan

Pertandingan Musabaqah yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

PKWE antara lain ditubuhkan bagi menarik minat warga emas bagi terus belajar sepanjang hayat, selain menjadi pusat untuk menimba ilmu bagi meningkatkan kemahiran warga emas dengan berkongsi pengalaman, pengetahuan serta berkongsi kemahiran dan bakat



سوروهنجاى قىخەمن ئۆام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang memahatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

PANDUAN PENGETAHUAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
memandakan "*" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja




PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



BARU

BERSABAR, MEMOHON DOA KETIKA MENGHADAPI UJIAN



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin



ANTARA yang hadir mendengarkan tazkirah bertajuk 'Semakin Gelap, Semakin Terang' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Terdahulu, acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan bacaan wirid.

Turut serta bagi memakmurkan masjid awal pagi tadi ialah pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta orang awam.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat adalah bagi mengajak

orang ramai untuk menghadirkan diri bagi bersama-sama memakmurkan masjid secara istiqamah (berterusan) dalam mendirikan sembahyang fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu yang sebagaimana kita ketahui bahawa mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan daripada berbanding sembahyang secara persendirian.

Program tersebut juga

memberikan peluang dan kemudahan kepada orang ramai dengan terlebih dahulu meraih keberkatan dengan memakmurkan rumah Allah, menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang, sebelum mereka memulakan langkah dengan keceriaan untuk aktiviti beriadah di hujung minggu.

Operasi Blockade berjaya kesan kegiatan percubaan sindiket dadah antarabangsa



MODUS OPERANDI sindiket menggunakan kemudahan penyewaan ruang pejabat secara maya di negara ini untuk mengalihkan penghantaran bungkus dadah yang disembunyikan dalam alat pembesar suara dan Central Processing Unit (CPU) komputer (kiri dan bawah).

memudahkan kegiatan operasi pengedaran mereka.

Hasil siasatan dan kerjasama dengan syarikat perkhidmatan kurier dan sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan ruang pejabat peribadi secara maya, BKN telah berjaya memintas beberapa penghantaran bungkus udara yang mengandungi dadah syabu sebanyak 36.73 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai sekurang-kurangnya USD477,000 iaitu kira-kira BND640,600 di pasaran antarabangsa.

Rampasan sebanyak 36.73kg dalam Operasi Blockade ini juga merupakan rekod rampasan terbesar dalam sejarah BKN dan negara ini selepas kejayaan rampasan sebanyak 19kg dalam Operasi Musang King pada tahun 2020.

Malahan, taktik ini digunakan untuk mengelakkan daripada dikesan oleh pihak berkuasa dengan menjadikan negara ini sebagai negara asal pengiriman barang tersebut. Selain itu, siasatan juga mendapati sindiket tersebut telah cuba merekrut rakyat tempatan untuk turut terlibat dalam



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu dia berjalan buat kali terakhir.

Perempuan, lumpuh berusia 31 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

[www.mkkjr.gov.bn](#)



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu akibat kecuaian pemandu lain, kehidupannya berubah untuk selamanya.

Perempuan, had fizikal berusia 28 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

[www.mkkjr.gov.bn](#)

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

>> Muka 1


Modus Operandi sindiket ini menggunakan kemudahan penyewaan ruang pejabat secara maya di negara ini untuk mengalihkan penghantaran bungkus dadah yang disembunyikan dalam alat pembesar suara dan Central Processing Unit (CPU) komputer. Bungkus udara tersebut

kemudian akan diarahkan untuk dihantar semula ke negara lain melalui perkhidmatan kurier.

Malahan, taktik ini digunakan untuk mengelakkan daripada dikesan oleh pihak berkuasa dengan menjadikan negara ini sebagai negara asal pengiriman barang tersebut. Selain itu, siasatan juga mendapati sindiket tersebut telah cuba merekrut rakyat tempatan untuk turut terlibat dalam

ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi penguat kuasa yang terlibat dan pihak awam yang tampil memberikan kerjasama dan

menyumbang kepada kejayaan penemuan kes ini sebagai usaha bersama membanteras jenayah, sama ada di peringkat nasional maupun global.



SEMAI RASA KASIH, HORMAT BELIA TERHADAP GOLONGAN WARGA EMAS



SUASANA pada program Menyantuni Warga Emas sempena Kempen Hari Bertindak (Day Of Action-DOA) 2024 (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 21 Disember. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) melalui Unit Hal Ehwal Pelatih menyediakan platform khusus bagi menggalakkan golongan belia khususnya para pelatih PPB untuk lebih terlibat dalam kesukarelawanan apabila menyedari akan kepentingan penglibatan golongan belia dalam kerja-kerja kesukarelawanan di negara ini.

Adanya aktiviti seumpama ini iaitu menyantuni dan meluangkan masa bersama warga-warga emas turut dihasratkan dapat menggalakkan, menanam dan menyemai perasaan hormat dan kasih sayang mereka kepada golongan yang lebih tua iaitu warga emas.

Demikian dinyatakan oleh Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman pada program Menyantuni Warga Emas

sempena Kempen Hari Bertindak (Day Of Action-DOA) 2024 berlangsung di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Kampung Lambak Kanan, di sini.

Menurut Awang Haswandi, kolaborasi antara belia dan warga emas dalam program kesukarelawanan seumpama ini dilihat membawa banyak manfaat kepada kedua-dua golongan iaitu dari segi Pertukaran Pengetahuan dan Pengalaman : Warga emas mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan yang boleh dikongsikan dengan belia, sebaliknya, belia boleh memperkenalkan teknologi dan idea baharu kepada warga emas.

Manakala dalam Pembinaan Komuniti pula iaitu interaksi antara belia dan warga emas dapat menguatkan hubungan dalam komuniti, memupuk rasa hormat dan memahami di antara generasi.

Sementara Aktiviti Bersama katanya, menjalankan aktiviti seperti berkebun, bermain permainan tradisional, atau mengadakan bengkel kraf tangan dapat mempereratkan hubungan antara belia dan warga emas.

Seterusnya melalui Pengajaran dan Pembelajaran jelasnya, belia boleh membantu mengajar warga emas tentang penggunaan teknologi, sementara warga emas boleh mengajar belia tentang sejarah dan budaya tempatan.

Awang Haswandi amat berharap agar apa jua pengalaman yang diperolehi sepanjang program ini dilaksanakan akan dijadikan sebagai pembakar semangat kepada para pelatih PPB khasnya dan golongan belia di negara ini amnya untuk terus memberikan sumbangan khidmat bakti yang bermanfaat bukan sahaja melalui program sedemikian akan tetapi setelah mereka keluar dari PPB nanti.

Terdahulu katanya, DOA 2024 di Negara Brunei Darussalam diadakan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa yang merupakan satu mandat daripada Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu dan diadakan pada 5 Disember setiap tahun.

Matlamat DOA ini dilaksanakan antara lain adalah untuk memupuk semangat kesukarelawanan iaitu untuk menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan dan menyumbangkan masa serta usaha mereka untuk membantu komuniti.

Selain itu, ia bagi meningkatkan rasa kebersamaan melalui membangunkan hubungan yang lebih kuat di antara anggota masyarakat melalui kerjasama dalam aktiviti - aktiviti yang bermanfaat; menghargai sukarelawan dengan memberi pengiktirafan kepada sukarelawan dan organisasi yang telah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



memberikan sumbangan besar dalam kerja-kerja sukarela; dan memperkuat budaya perpaduan untuk memperteguh rasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan semasa kempen.

DOA pada tahun ini mempunyai sembilan kluster program iaitu Hak Asasi Haiwan; Seni dan Budaya; Masyarakat; Bencana Alam; Pendidikan; Inisiatif Hijau; Keusahawanan Sosial; Kerohanian dan Keugamaan; dan Pembangunan Belia.

Sebagai menyahut kempen berkenaan, pelaksanaan program Menyantuni Warga Emas ini antara lain objektif utamanya adalah sebagai satu platform yang disediakan oleh PPB khusus bagi para pelatih untuk menyantuni dan meluangkan masa bersama warga-warga emas di samping untuk menggalakkan dan menanam semangat kerja-kerja sukarela terutama kepada kalangan belia.

Beberapa aktiviti telah disusun oleh PPB seperti kegiatan

senamrobiik, kerja-kerja kawasan membersihkan persekitaran serta kerja-kerja membuat lanskap, mengemas ruang kegiatan, menyelenggara kemudahan komputer dan pendingin hawa serta mengganti paip-paip air yang telah rosak.

Program ini juga diisikan dengan kegiatan perkongsian bersama warga emas dengan pelatih-pelatih PPB seperti aktiviti berdondong dan bermain permainan tradisi.

Seramai 150 orang terdiri dari para pegawai, kakitangan dan pelatih PPB termasuk golongan belia ikut serta dalam program Menyantuni Warga Emas ini yang telah mendaftar melalui Aplikasi Mengalinga.

Dengan perlaksanaan program hari ini, diharapkan ia mampu merapatkan hubungan belia dengan warga emas, menyemai perasaan kasih sayang dan saling hormat menghormati serta mengekalkan persekitaran PKWE sentiasa berada dalam keadaan kemas dan bersih bagi keselesaan serta imej yang terbaik kepada masyarakat.

PPK, Syarikat Aura Health tandatangani kontrak PCHS



SESI bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Muhammad Danish Safwan bin Awang Marshidi.

PCHS adalah satu inisiatif di bawah Program Kerjasama Awam-Swasta (PPP) antara Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC Sdn. Bhd.

Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. telah menyokong PPK sejak tahun 2019 dengan menyediakan dana bagi menyokong program-program gaya hidup sihat, termasuk Program Tempat Kerja dan Kesihatan (WAH), Program Persekutuan dan Gaya Hidup Ceria (HEAL) serta Program Growing, Learning, Optimizing Towards Better Well-Being in School (GLOW). PCHS oleh PPK, Kementerian Kesihatan akan memperkenalkan bengkel pendidikan makanan yang memberi tumpuan kepada pengetahuan, kemahiran dan alat praktikal untuk membuat keputusan yang lebih bijak dalam pemakanan.

Salah satu aspek utama bengkel ini adalah mengajar peserta cara mengira Indeks Jisim Badan (BMI) dan Kadar Metabolik Asas (BMR) mereka, bagi membantu mereka

memahami metrik kesihatan individu dengan lebih baik.

Para peserta juga mempelajari peranan nutrien dan kalori dalam diet mereka, sekali gus memahami cara untuk menguruskan pengambilan tenaga dengan lebih berkesan.

Selain itu, para peserta juga dilatih untuk merekod pengambilan makanan mereka dengan tepat dan memantau tabiat pemakanan bagi mencapai pengurusan berat badan yang efektif.

Pendekatan menyeluruh ini bertujuan untuk menggalakkan pilihan gaya hidup yang lebih sihat dan memperkasakan individu dengan kemahiran yang diperlukan untuk kesejahteraan jangka panjang.

Malahan inisiatif ini bertujuan untuk menyumbang kepada pengurangan faktor risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di negara ini, sambil menyokong visi Kementerian Kesihatan, iaitu 'Bersama ke Arah Warga Sihat' dan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 untuk mencapai kualiti hidup yang tinggi.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan media, sila hubungi : Pegawai Pemasaran, Abu Khaledi Yussri @ Yashife bin Abu Bakar atau e-mel : Khaledi.abubakar@moh.gov.bn +673 8114519.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (PPK) baru-baru ini menandatangani kontrak dengan Syarikat Aura Health untuk menyediakan perkhidmatan bagi

Program Cara Hidup Sihat (PCHS) yang diadakan pada 11 Disember 2024.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Kesihatan ialah Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Ahmad

dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PPK, Awang Mohammad Firdey Hazarullah bin Haji Md. Zain.

Bagi pihak Syarikat Aura Health, kontrak tersebut ditandatangani oleh pengasasnya, Dayang Nurul Syahirah binti Awang Marshidi dan disaksikan oleh Awang

PASUKAN PENGAKAP KELANA 1101 KUPU SB ANJURKAN PERKHEMAHAN PASUKAN



PENGARAH Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md Sofian hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan (atas dan kanan).



Siaran Akbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BERAKAS, Sabtu, 21 Disember. - Pasukan Pengakap Kelana 1101 dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) baru - baru ini menganjurkan Perkhemahan Pasukan bagi sesi 2024/2025.

Perkhemahan berlangsung selama tiga hari dua malam, bermula dari 16 hingga 18

Disember 2024, bertempat di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas.

Tujuan utama perkhemahan ini adalah untuk membina keyakinan diri dalam kalangan ahli pengakap, serta menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat - menghormati, disiplin yang tinggi, dan semangat kerjasama.

Selain itu, perkhemahan ini juga bertujuan untuk memenuhi syarat pengiktirafan sebagai Pengakap Kelana (Rover Scout).

Antara kegiatan yang telah dilalui oleh ahli-ahli pengakap sepanjang mengikuti perkhemahan tersebut meliputi sesi perbincangan dan pembentangan mengenai fundamental berpengakap, aktiviti kawad dan kegiatan riadah.

Ahli-ahli Pengakap Kelana

KUPU SB yang baharu juga telah menjalani proses mengenal diri sebelum dilantik secara rasminya sebagai ahli pengakap kelana dalam Majlis Melantik ahli Pengakap Kelana.

Acara ini diakhiri pada hari ketiga dengan Majlis Penyampaian Epaulet dan Sijil pelantikan kepada 16 orang ahli Pasukan Pengakap Kelana 1101 KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat

bagi majlis tersebut ialah Pengarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md Sofian.

Hadir sama pada acara tersebut ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi dan Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei dan Muara PPNBD, Awang Samsudin bin Haji Ahmad.

Tumpukan strategi praktikal pendekatan kesihatan mental dalam Islam

Siaran Akbar : Cureheart

MUKIM LUMAPAS, Sabtu, 21 Disember. - Cureheart dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat, Takmir Masjid Kasat, dan Jabatan Penjara telah menjalankan program 'Kampung Kitani Tenang dan Harmoni' sempena Kempen Hari Bertindak 2024 yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada setiap 5 Disember, baru-baru ini.

Penglibatan Jabatan Penjara memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan dan sumber bagi program ini, memandangkan mereka berusaha untuk mempromosikan kesedaran kesihatan mental dalam kalangan bekas banduan (Rakan Seliaan) serta membantu mereka kembali kepada masyarakat.

Inisiatif ini bertujuan menggalakkan kesedaran mental dan menyediakan strategi praktikal berdasarkan pendekatan kesihatan mental dalam Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Asminan bin Haji Chuchu.

Turut hadir, Ketua Kampung Kasat, Awang Haji Erifin bin Haji Mohd. Yussof selaku pengajur bersama dan Pengasas Cureheart, Dayang Hajah Norajleen Uminatal Hafizan binti Haji Alimas.

Program ini berlangsung di Masjid Kampung Kasat dengan tema 'Belajar Cara - Cara Menangani Kesihatan Mental berpandukan Ayat-Ayat Al-Quran' (Learning Ways to Manage Mental Health through Quranic Verses).

ia menarik pelbagai golongan masyarakat termasuk ibu bapa, belia dan orang awam dengan lebih 100 peserta hadir.

Seramai 10 penduduk serta 12 Rakan Seliaan Pusat Integrasi Jabatan Penjara turut menyertai dan memperhatikan penglibatan masyarakat yang menyeluruh.

Acara ini diserikan dengan ceramah interaktif dan bengkel

amali yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Farisal bin Ali, yang berkongsi panduan menguruskan keimbangan dan tekanan menggunakan ayat-ayat Al-Quran serta terapi zikir.

Selain itu, penceramah motivasi, Awang Ali Yusri Abdul Ghafor memberikan pandangan tentang 'Belia Prihatin, Masyarakat Harmoni: Memupuk Semangat Sukarelawan'.

Aktiviti program termasuklah Solat Fardu Asar Berjemaah dan

latihan praktikal seperti teknik pernafasan serta kesedaran melalui zikir.

Acara ini juga bertujuan menyokong bekas banduan untuk menyertai semula masyarakat serta melibatkan diri dalam inisiatif kesukarelawanan yang berkesan.

"Kami komited untuk mewujudkan komuniti yang harmoni dan mental yang berdaya tahan dengan mengintegrasikan kesejahteraan rohani dan emosi. Program ini adalah bukti kuasa

kerjasama dalam menangani cabaran kesihatan mental melalui pendekatan holistik," jelas Dayang Hajah Norajleen Uminatal Hafizan.

Acara diakhiri dengan sesi soal jawab daripada para peserta, yang menghargai penekanan pada penggabungan iman dan strategi kesihatan mental, sekali gus mengukuhkan keberkesanannya dan impak program ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif Cureheart, sila hubungi +673 8211273.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Memperkenalkan Makanan Tempatan Ke Peringkat Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 25 Disember 2024
- 'Memacu Pembangunan Sektor Ekopelancongan'. Tarikh Tutup : 1 Januari 2025
- 'Memperkasa Hak Orang Kurang Upaya'. Tarikh Tutup : 8 Januari 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT, SIAP SEDIA HADAPI RISIKO BENCANA



PUSAT Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Negara Darussalam (PPNBD) menganjurkan Taklimat Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDR) dan diteruskan dengan sesi bergambar ramai (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Negara Darussalam (PPNBD) menganjurkan Taklimat Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) yang berlangsung di Bilik Persidangan, Tingkat 4, Bangunan

Ibu Pejabat PPNBD.

Taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terutama ahli-ahli PPNBD secara amnya agar sentiasa peka akan risiko bencana dan bersiap sedia dalam menghadapi situasi bencana dengan mengambil tindakan yang betul dan selamat.

Selain itu, taklimat ini juga bertujuan membina masyarakat

yang berdaya tahan terhadap bencana, selaras dengan usaha meningkatkan kesedaran awam serta memupuk budaya pengurusan bencana secara proaktif dalam kalangan pemimpin dan ahli-ahli pengakap.

Sebagai salah satu inisiatif penting NDMC, taklimat ini menyampaikan informasi berkaitan peranan komuniti dalam pengurusan risiko bencana.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

Sehubungan dengan itu, diharapkan masyarakat dapat meningkatkan tahap kesiapsiagaan serta keupayaan menghadapi ancaman bencana secara bersama.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas dan Ketua Pesuruhjaya

Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin.

Turut hadir, ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya - pesuruhjaya Pengakap, Penolong - penolong Pesuruhjaya Pengakap, pemimpin-pemimpin pengakap, serta ahli-ahli Pengakap Remaja, dan Pengakap Kelana.

Pasukan 'A' Balai Bomba Sungai Kebun muncul juara



SEKITAR pertandingan Fire Ground Challenge Operasi D yang berlangsung di Pos Bomba Sungai Besar (atas dan bawah kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Pos Bomba Sungai Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Disember – Ketangkasan dan prestasi yang dipamerkan oleh Pasukan 'A' Balai Bomba Sungai Kebun begitu baik sehingga menewaskan pasukan lain untuk merangkul juara Fire Ground Challenge Operasi D pada tahun ini.


Pertandingan yang berlangsung di Pos Bomba Sungai Besar, Jalan Kota Batu, di sini juga menyaksikan Pasukan 'B' dari Balai Bomba Sungai Kebun menduduki tempat naib juara.

Sementara itu, pasukan Balai Bomba Pelancaran dan Ibu Pejabat Cawangan Operasi D masing-masing berada di tempat

ketiga dan keempat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Penguasa Bomba, Awang Mushidee bin Junaidi, selaku Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi D.

Pertandingan anjuran Ibu Pejabat Cawangan Operasi D itu mengetengahkan empat pasukan di bawah tadbiran Cawangan Operasi D dengan tujuan utama untuk menguji ketahanan mental dan fizikal para anggota melalui pengendalian serta pelaksanaan beberapa ujian keupayaan dan ketangkasannya, di samping mengerakkan lagi silaturahim sesama anggota.



22 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN KEPERLUAN RUMAH

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Belia Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. – Bersempena dengan Hari Bertindak, Projek #INFAQ1 telah

menyampaikan sumbangan kepada 22 buah keluarga kurang kemampuan di Kampung Sungai Pandan dan Kampung Setia di

bawah inisiatif 'Beli dan Sedekahkan', baru-baru ini.

Acara ini juga disokong oleh Majlis Belia Brunei (Brunei Youth Council - BYC) di mana sebanyak dua agihan telah dijalankan.

Sebanyak 12 set barang keperluan rumah telah diagihkan kepada keluarga di Kampung Sungai Pandan manakala 10 lagi telah diedarkan di Kampung Setia 'B'. Setiap isi rumah telah menerima bungkus berisi minyak masak, beras, telur, biskut, teh dan mi segera.

'Beli dan Sedekahkan' di bawah Projek #INFAQ1 adalah satu inisiatif yang memberi platform kepada orang ramai untuk turut serta dalam memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Sejak penubuhannya pada 2021, Projek #INFAQ1 telah mengedarkan lebih 1000 barang keperluan rumah di seluruh negara dengan sokongan BYC.

Inisiatif ini menyerlahkan komitmen Projek #INFAQ1 untuk mengukuhkan daya tahan komuniti dan memupuk budaya penjagaan. Dengan menangani keperluan segera keluarga yang kurang kemampuan, projek itu



ANTARA keluarga yang menerima sumbangan melalui Projek #INFAQ1 bersempena Hari Bertindak (kiri dan atas).

bertujuan untuk membawa kelegaan sambil menggalakkan tanggungjawab kolektif.

Projek #INFAQ1 mengalu-alukan individu dan organisasi untuk bekerjasama dalam meningkatkan dan

memperkasakan komuniti yang kurang bernasib baik.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Projek #INFAQ1 di +673 8172871 atau layari @projek_infaq1 di media sosial Instagram.

Persiapan kembali ke sekolah kian terasa

Berita dan Foto : Aimi Sani



MENTIRI, Sabtu, 21 Disember. – Hanya tinggal kurang daripada dua minggu sahaja lagi musim cuti persekolahan penggal ketiga akan berakhir. Ini bermakna, musim persekolahan penggal pertama bagi tahun 2025 akan bermula.

Pada 2 Januari 2025 nanti, sekolah-sekolah di seluruh negara akan mulai sibuk dan kembali hingar bingar dengan kembalinya murid-murid, pelajar-pelajar dan para pendidik ke sekolah masing-masing.



pakaian seragam di kedai-kedai jahit berdasarkan ukuran badan yang dikehendaki.

Dayang 'Aqilah binti Rosdan dari Kampung Rimba ketika ditemui mengongsikan bahawa beliau lebih suka membuat persiapan lebih awal untuk mengelakkan daripada kehabisan barang-barang sekolah yang diperlukan.

"Ini merupakan kali pertama saya serta suami membuat persiapan persekolahan anak kerana anak kami baru memasuki alam persekolahan pada Januari depan, jadi keterujaan untuk menyediakan alat-alat persekolahan itu lebih terasa," terangnya lagi.

Sementara itu, ibu kepada empat orang anak, Dayang Zahirah binti Haji Rosli yang ditemui di salah sebuah kedai buku di daerah ini menjelaskan, kunjungan ke kedai berkenaan adalah bagi mendapatkan beberapa buah buku lagi yang dikehendaki sebaik saja menerima panggilan dari kedai buku tersebut.

Beliau yang sudah pun membuat persiapan keperluan anak-anak semasa penghujung November lalu, menjelaskan bahawa dengan membeli sebahagian buku-buku yang diperlukan lebih awal, ia bukan saja untuk mengelakkan bersesak di kedai tetapi dapat membahagikan perbelanjaan untuk membeli keperluan persekolahan yang lain.

Dayang Zahirah seterusnya menambah, memandangkan beliau mempunyai anak yang ramai dan masih banyak lagi yang bersekolah, perbelanjaan terpaksa dikawal dengan baik dan hanya membeli barang yang benar-benar diperlukan saja.

Apa pun jenis persediaan yang telah dibuat untuk kembali ke sekolah diharap akan terus dapat meningkatkan lagi prestasi pembelajaran para penuntut di negara ini dari tahun-tahun sebelumnya.

Kepada ibu bapa dan para penuntut yang masih belum selesai

dengan persediaan mereka, di bawah ada sedikit saranan yang diharap akan dapat membantu membuat persediaan untuk kembali ke sekolah seperti mencatat peralatan sekolah atau buku yang diperlukan sebelum berbelanja bagi mengelakkan membeli peralatan sekolah atau buku yang tidak diperlukan.

Di samping turut mengamalkan sikap berjimat cermat dengan menggunakan pakai semula peralatan mahupun pakaian seragam sekolah yang lama serta mengamalkan sikap berjimat cermat dan tidak boros ketika berbelanja bagi mengelakkan pembaziran.

Memang tidak dapat dinafikan, sekolah merupakan rumah kedua bagi para pelajar, di mana mereka menuntut pelbagai bentuk ilmu pengetahuan. Oleh itu, untuk kembali ke gudang ilmu itu hendaklah dilakukan dengan persiapan ataupun persediaan



DAYANG 'Aqilah binti Rosdan semasa ditemui bual Pelita Brunei (atas), manakala gambar atas kiri dan bawah kiri, ibu bapa dan penjaga memastikan persiapan persekolahan anak mereka tersedia sebelum bermulanya sesi persekolahan ini nanti.

yang rapi, bukan hanya dari sudut peralatan atau pakaian seragam, malahan juga bersedia dari segi mental dan fizikal.

جاین فرانخون ایکونومی دان ستائیسٹک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAI EHWAH PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

PPNBD SERTAI JAMBORI MALAYSIA KE-14, JAMBORI KEAMANAN IUMS

Siaran Akhbar dan Foto: Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam



AHLI-ahli PPNBD bergambar ramai sebelum berlepas meninggalkan negara (atas), manakala gambar bawah kanan, Ketua Pesuruhjaya Pengakap PPNBD, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin semasa penyerahan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada Ketua Kontinen PPNBD, Awang Ritchie Siabu, selaku Pesuruhjaya Antarabangsa PPNBD.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Disember. — Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menyertai Jambori Nasional Pengakap Malaysia ke-14 dan Jambori Keamanan International Union of Muslim Scouts (IUMS) ke-8 yang berlangsung dari 21 Disember hingga 27 Disember 2024 bertempat di Millennium Park, Kota Kubu Bharu, Selangor.

Satu Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah diadakan di Balai Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, yang disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap PPNBD,

Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin, kepada Ketua Kontinen PPNBD, Awang Ritchie Siabu, yang juga selaku Pesuruhjaya Antarabangsa PPNBD.

Seramai enam peserta PPNBD, terdiri daripada dua pemimpin, tiga ahli Pengakap Muda, dan seorang ahli Pengakap Remaja, telah dipilih untuk mewakili PPNBD dalam jambori tersebut.

Kontinen PPNBD diketuai oleh Awang Ritchie Siabu, dibantu oleh Penolong Pesuruhjaya Daerah (Pengakap Muda) Daerah Belait, Mohammed Sufri @ Bohari bin Haji Sabli, yang juga selaku Penolong Ketua Kontinen.

Jambori ini dijangka menghimpunkan lebih daripada

10,000 peserta dari negeri-negeri di Malaysia, termasuk peserta antarabangsa, menjadikannya salah satu perhimpunan pengakap terbesar di Malaysia. Dengan tema 'Scouting for a Better World', jambori ini menekankan usaha membina dunia yang lebih baik melalui perpaduan, pendidikan, dan aktiviti masyarakat.

Jambori Malaysia ke-14 menyediakan pelbagai aktiviti menarik termasuk pertandingan kemahiran pengakap; bengkel kepimpinan dan pembangunan kendiri; aktiviti pemeliharaan alam sekitar dan pertukaran budaya melalui pertemuan peserta antarabangsa.



Pelbagai aktiviti Pasar Malam untuk tarik pengunjung

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin



DAYANG Nur Syafiqah binti Haji Herwan (kiri) dan Dayang Hajah Munifah binti Dullah semasa ditemu bual.

GADONG, Ahad, 22 Disember. — Sememangnya pasar malam sering menjadi tumpuan ramai, dengan pelbagai gerai menjual makanan, pakaian dan barang keperluan.

Namun, menjelang cuti persekolahan hujung tahun, suasana pasar malam di beberapa lokasi kelihatan agak sunyi.

Fenomena ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi kehadiran pengunjung kerana semasa cuti persekolahan, ramai ibu bapa mengambil kesempatan untuk membawa anak-anak mereka bercuti ke tempat menarik. Selain keluar negara, destinasi

pelancongan seperti pantai, taman tema, dan pusat membeli-belah menjadi pilihan utama, menyebabkan pengunjung pasar malam berkurangan.

Sehubungan itu, Pelita Brunei membuat tinjauan ke salah sebuah pasar malam terbesar di negara ini iaitu Pasar Pelbagai Barang Gadong atau lebih dikenali sebagai Pasar Malam Gadong.

Jelas sekali suasana pasar malam tersebut kelihatan agak tenang dan tidak terlalu ramai seperti hari-hari biasanya.

Perkara tersebut turut dipersetujui oleh salah seorang penjaja Armz Corner, Awang Md.

Tetapi tidak mengapa tambahnya, rezeki sentiasa ada walaupun kurang kerana hujung tahun memang merupakan masa untuk ibu bapa meluangkan masa bersama anak-anak mereka dengan melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama.

Dalam era digital ini ujarnya, banyak keluarga lebih memilih untuk menghabiskan masa di rumah dengan menonton filem atau bermian permainan video.

"Aktiviti dalam talian yang menarik perhatian anak-anak menyebabkan mereka kurang berminat untuk keluar malam. Akibatnya, pasar malam yang biasanya dipenuhi dengan pengunjung kini kelihatan lengang," tambahnya.

Sementara itu, Dayang Hajah Munifah binti Dullah yang sudah berjaya selama belasan tahun

dengan menjual pelbagai buah-buahan turut berpendapat yang sama di mana setiap kali tibaunya musim cuti persekolahan, hasil jualan menurun.

Katanya, jualan di hujung tahun agak kurang apatah lagi beliau yang hanya berjual buah-buahan yang mana pada masa ini bukan musim buah menjadikan hasil jualannya semakin berkurangan.

Selain itu jelasnya, musim hujan juga boleh memberi kesan kepada suasana pasar malam kerana hujan yang turun lebat atau cuaca yang sejuk membuatkan orang ramai enggan keluar dari rumah.

"Gerai-gerai yang biasanya beroperasi dengan meriah kini berhadapan dengan cabaran untuk menarik pengunjung. Selain itu, keadaan jalan yang licin juga menambah rasa ragu-ragu untuk keluar," tambahnya lagi.

Bagi adik Dayang Nur Syafiqah binti Haji Herwan, masa cuti persekolahannya diisi dengan membantu ibunya berjaya nasi katok, mee goreng, ayam penyet, soto dan lain-lain.

"Saya bersama abang saya menolong ibu mencari rezeki dengan berjual di pasar malam bagi mengisi masa lapang di musim cuti persekolahan hujung tahun ini," katanya.

Memang sudah menjadi kebiasaan sedari kecil, sering mengikut ibunya berjaya di pasar malam selepas waktu sekolah

hingga ke hari ini. Beliau yang berusia 12 tahun itu juga menyatakan pasar malam nampak sunyi dan tidak ramai orang pada masa ini.

Oleh itu, suasana pasar malam yang sunyi pada hujung tahun adalah satu realiti yang perlu diterima. Namun, ini juga memberikan peluang kepada penjaja untuk berfikir secara kreatif dalam menarik pengunjung.

Mungkin dengan menjadikan pasar malam sebagai tempat yang lebih menarik dengan pelbagai aktiviti, persembahan seni atau promosi khas, suasana meriah dapat dikembalikan.

Diharapkan pasar malam akan terus berkembang dan menarik minat pengunjung walaupun dalam keadaan yang mencabar.



AWANG Md. Amirol Fadli bin Md. Azli semasa ditemu bual.

سندھی

تنعکن هاتی دغۇن حسن الظىن

جماعه یعٰد رحمت اللہ

برفراستگر بایک مروفانکن سیکفت تر فوجی بیع میلیقی باپق کاوتمامان دالم
کهپیدوون مانسی. کاوتمامان برفراستگر بایک دالم کهپیدوون سهاری-هاری
اکن دافت میریکن:

فرتام: جو باس تئ، دامي دان تنزام کران تيدق ترکيغى اواليه ئىمكىرىن
نيكتايف ترهداف اور غلابين.

کلوا: منیغتکن هوپوگن کلکلوار کان سهیغىڭ داۋىت منجىكە كونغلىك دان
ئىچاجاهن يې دىسپىكىن او لىه سالە فەھم.

کتیک: دسناغی اولیہ اور غ سکلیلیغ۔

كأمفت: مندور و غ ديري او نتوق بريوات لبيه باياك دالم سموا أسفيشك.

کلیم: من تو ف قیتنے دان میوک قیتنو کاسیہ سایع سسام مائنسی۔

رسوئکوهن أکام إسلام معاجر أومتن اکر میلیقی هاتی يغ سوجی،
رسه دان تیدق موده مناره و ف اسٹعک بورو ق تهادف الله سُجْلَةَ وَعَالَمَ دان

رسام انسان. اولیه يع دمکین، سپاکی اوست إسلام يع ايغيونکن که همونين دان
کبهاکيأن دالم کهيدوون، مك سواجرن کيت ستياس بر فراسغك بايلک اونتوق
ترفاذوان کهيدوون بر کلوارك، برآکام، برمشارکت دان بر نکارا. موده-مودهن
معن يع دمکین کيت ستياس هيدوو روکون دامي دان بربهاکيا ددنيا دان
داخريه، آمين يا رب العالمين.

واهي اورغ-اورغ يع بريمانا! جاوهيله کبابقنه درفه فراسنك، سسوغونکونه سباهاکين فراسنك ايت دوسا. دان جاعنه کامو مغيتيف منخاري-چاري کساهن) اورغ دان جاعنه سباهاکين کامو معمونه سباهاکين يع لاین. ادکه سساورغ درفه کامو سوك ماکن داکيغ سوداران يع مله ماتي؟ مك سوده تنتو کامو مراسا جيحيق کفدن. دان برتفوي له کفده الله. سسوغونکونه الله مها فرنيمها توبه لاکي مها فناسيه.

سی سو عکوک هنر پر فراستگ بایک سیام مانسی ساعت دتونتوت دالم

چنان که مونین مشارکت تراویمان دالم بیرا فلکونان میدیا سوسیال این. این
بران معلومت ساعت موده اونتوق دسیر کن تنها مغفل فستی کصحیحن
ماسوق معلومت-معلومت یعن تدق بزر. مک دعن سیکش برفراسعک بایک
ن، ای مشور اونتوق مپلامتنکن دیری کیت درقد ملاکون فته دان مغایلقکن
درقد برلاکون ساله فهم. درقد أبو هریة رضی اللہ عنہ، رسول اللہ صلی اللہ علیہ وسلم
سبدا: إِيَّاكُمْ وَالظُّنُونُ، فَإِنَّ الظُّنُونَ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ.

جاوهیله کامو دری فراسعک، کران سسوغکوهن فراسعک ایت ادله
بیسیوهوغ-بوهوغ ریکان راس هاتی. **{حدیث روایة إمام بخاری}**

دالم كتاب بداية الهدایة، إمام الغزالی مغایعېتکن كېيت اوتنوق سنتیاس سعڭ يابىك سسام إنسان، دۇن چارا:

لدو دوقتن دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَعَالَ جاوه لبيه بايك دان لبيه تيعكى در قدکو.
لوا: جك بر تقو اور غ توا، مك او جيچكيله دالم هاتيمو، دي تله برعاباده کثدا

امفت: جلک برتو دعن ساورغ يغ برعلمو، مك اوجھكتله دالم هاتيمو،
رغ اين مفعوريایي کلودوقن يغ تيدق اکن فرنه اکو جاھاي. دي معھوي اف
تيدق اکو کتهوي دان دي مععمالکن علمنون، تنتو دي لبيه باياک درېدکو.

لیم؛ حاک بر تو دعُن ساورغ یعنی جاهلیل، مک کاتا کنه دام هایمو، اور غایب
معصیة کفَد اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَیٰ کران دی جاهلیل (تیدق تاھو)، سدغکن اکو
معصیة فڈ حال اکو معتھوی عقیتن دان اکو تیدق تاھو با گیمان آخر
مور کو دان عمورن کلنق. دی تنتو لیبے بایک در ڈکو.

جماعه يعث در حجتی الله،
بر تقوی له کیت کحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن میتعکتکن کیمانان کفدن.
سُبْحَانَهُ اور غ يع فالیغ ملیا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایالله اور غ يع فالیغ
بر تقوی. مردہ-مودہن کیت منجادی إنسان يع ستیاس مغلایقی الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، بر او له کچجان دان کسلامن ددبنا دان جوک دأخیره.

دان کبایقن مریک تیدق مغیکوت ملاینکن سغکان سمات-مات.
سسوغکوهن سغکان ایت تیدق برکونا سدیکیت قون اوتنوق منتوکن
کینن. سسوغکوهن الله مها مقتبھوی اف پم مریک لاکوکن.

اکام إسلام اداله أکام يع مغأبجور کن أومتن اونتوق سنتیاس مغایير تکن هو بوغن صلة الرحيم دان أخوه سرتا هيدوف دالم امان دامي. کران ایت، کيت دلارغ دري ملاکوکن فرکارا يع بوليه منجحمسکن دان مروسقکن هو بوغن جايابك سسام مأنسي سفتری بر تليعک، بر موسوه-موسوهن، تودوه-مندووه، بر فراسعک بوروچ دان سأومقمان.

فراسنگ بوروق ایاله سعکان اتاو اغکنن بوروق ترهادف سسواتو
فرکارا اتاو سسأورغ سبلوم مغتهوي دان مپلیديکي فرکاري يع سبېرن. اي اداله
ساله ساتو صفة بوروق يع برادا دالم هاتي مأنسي.

اوتنوق منجاوهکن ديري کيت در فال برقرارىشك بوروق، مك کيت
دتوتوت اوتنوق سنتیاس میرسىپهکن هاتى دەعن حسن الظن يايىت برقرارىشك
باييك. حسن الظن اداله صفة يىع دانجوركىن دالم أكمام إسلام اوتنوق دئانگىك دالم
ديري ساۋارغ مسلىم.

برقراریک بایک مروفاکن فنجتوس کفڈ صفة کاسیه سایع، راس حرمت
دان کتنعن هاتی. سیاورغ بیغ سنتیاس برسعک بایک دعن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان
سسام مأنسی، ملک سوده فسیتی فیکیرنن اکن سنتیاس ټوسيتیف، هاتین تنع دان
سنتمیاس برسيکش برلافع دادا.

دعا ممohen كقد الله سقايي قرسلامة

درقد بلاء دان سكل جنیس چاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سَبَّحْنَاهُ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ ذَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَسَنَاهُ وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِذِي الْعِزَّةِ وَاجْبَرُوهُ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئَاتِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaja). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَمْدُ لَأَنْتَ حُمْدٌ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَمْ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُمْ
إِلَّا يَأْدِينَهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعَ كُرْسِيَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۖ ٦٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِخُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحُوَاجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَافِمْ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدِ دُكْلٍ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدُ قَعْعَمْلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسِبْنَا اللَّهَ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



JABATAN PERDANA MENTERI

Kerja-Kerja Pembinaan Kawasan dan Bilik di Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Tawaran dibuka kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:-

Kelas & Kategori :
I atau II, P06, P05

Bilangan :
SPA / BPK / SBH / 11 / 2024

Tarikh Buka Tawaran :
Sabtu,
21 Disember 2024.

Tarikh Akhir mengambil Dokumen tawaran :
Sabtu,
4 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Sabtu,
18 Januari 2025.

Yuran Tawaran :
BND5.00 tunai
(Tidak dikembalikan)



Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran:

JPA / 1.4 / UPK / EST / 002 / 2024
"Twelve (12) Months Term Contract for Operational Maintenance, Repairs and Replacements of Split-Type Air-Conditioning Units at Public Service Department, Jalan Kumbang Pasang (2025)"

Bayaran

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
14 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
(157) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Sebut Harga Bagi Pengurusan / Perlaksanaan Gerai Ramadan Stadium Tahun 1446H / 2025M Kawasan Letak Kereta Zon 'K' & 'L' Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Bilangan Tawaran:
(158) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Penyediaan dan Pembekalan Makan dan Minum Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke 41, Tahun 2025

Bilangan Tawaran:
(159) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Pakaian Seragam Penyelamat Kanan, Penyelamat, Penjaga Jentera dan Penjaga Kolam Jabatan Belia dan Sukan

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
9 Januari 2025.



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Iklan Pemberitahuan

Bilangan Tawaran:
MOFE / IBE / NBSP / 03-24

Tajuk Tawaran:
The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning and Maintenance of National Business Service Platform (NBSP)

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu,
18 Disember 2024.

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KPN / PR / 6 PT.VII

Membekalkan Plak Cenderahati bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Di bawahnya Yang Bersara Pada Tahun 2023

Bayaran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
16 Disember 2024

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
26 Disember 2024

Tarikh Tutup:
Isnin,
30 Disember 2024
Sebelum jam 9.00 Pagi

JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**Jawatan Kosong Sebagai**

Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240) atau

Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970) atau

Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270) bagi

Daerah Temburong

Kampung Senukoh, Mukim Labu
Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukatanya mempelawa dan menjemput

penduduk-penduduk yang bermastautin di **Daerah Temburong** bagi kampung yang tersenarai di atas untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Temburong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu, 2 Sya'ban 1446 bersamaan 1 Februari 2025, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 ext 116 / 118 /

119 atau +673 5221110.

Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua-Ketua Kampung, Daerah Temburong

Ketua Kampung Senukoh, Mukim Labu
Kampung Senukoh

Ketua Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok
Kampung Lepong Baru
Kampung Lepong Lama
Kampung Semabat
Kampung Temada
Kampung Kenua

**Jawatan Kosong Sebagai**

Penghulu Mukim Tingkat III PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)

Bagi Daerah Temburong Penghulu Mukim Zon 2

Adalah dimaklumkan bahawa **Jabatan Daerah Temburong** dengan sukatanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di **Mukim Bokok** dan **Mukim Amo, Daerah Temburong** untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Penghulu Mukim Zon 2 di Daerah Temburong**.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut: –

Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Jabatan Daerah Temburong

Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 2 Syaaban 1446** bersamaan **1 Februari 2025, jam 4.00 Petang**.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+673 5221266 / 265 ext 116 / 118 / 119 atau +673 5221110**.

Mukim-Mukim Tadahan Jawatan Kosong Bagi Penghulu Mukim Zon 2, Daerah Temburong: -
• Mukim Bokok
• Mukim Amo




**DA / JKSH / 140 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 3 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Rendah Delima Satu
2. Flat Perumahan SR Delima Satu
3. Flat Kelas F Blok A, B dan C SR Delima Satu (6+6+6 unit)
4. Flat Perumahan IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal
5. Flat Kelas E, Blok 10 dan 11, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal (18+12 unit)
6. Barek Kelas G, Blok 8 dan 9 IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal (16+8 unit)
7. Bahagian Pembangunan dan Pentadbiran Sumber Manusia. 8. Banglo C7, C8 dan C9, Kawasan IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 141 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 4 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan
2. Flat Kawasan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan
3. Flat Kelas C, Blok 1 Maktab Sains PSBS (12 unit) dan Flat Kelas F, Blok 2 dan 3 Maktab Sains PSBS (6+6 unit)
4. Flat Kelas F, Blok 4, 5, 6 dan 7 Maktab Sains PSBS (6+6+6+6 unit)
5. Unit Audit Dalaman Banglo C1 Kawasan Maktab Sains PSBS
6. Unit Kesejahteraan Tenaga Pengajar, Banglo C2 Kawasan Maktab Sains PSBS
7. Sekolah Menengah Berakas
8. Bahagian Perkhidmatan Pemakanan & Asrama Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 142 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 7 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar
2. Sekolah Rendah Mentiri
3. Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin Mentiri
4. Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja Mentiri
5. Sekolah Rendah Pintu Malim
6. Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas Subok
- Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 143 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 8 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Rendah Jalan 49, Lambak Kanan
2. Jabatan Pendidikan Kokurikulum
3. Sekolah Rendah Dato Marsal
4. Sekolah Rendah Dato Basir
5. Sekolah Rendah Jalan 10, Lambak Kanan
6. Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 144 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 10 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Rendah Rimba I
2. Sekolah Rendah Rimba II
3. Sekolah Rendah Rimba III
4. Sekolah Menengah Rimba I
5. Sekolah Menengah Rimba II Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 145 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 11 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Rendah Tungku
2. Sekolah Rendah Katok 'A'
3. Sekolah Menengah Katok
4. Sekolah Rendah Katok 'B'
5. Sekolah Rendah Pg Kerma Setia Diraja Sahibul Bandar
6. Sekolah Rendah Mata-Mata Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 146 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 12 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Rendah Hj Mohd Jaafar Maun Kiulap
2. Sekolah Rendah Datu Ratna Hj Muhd Jaafar, Kiarong 3. Flat Kelas E, SR Datu Ratna Hj Muhd Jaafar, Kiarong (12 Unit)
4. Flat Kelas C, Blok C12 & C13 Kg Kiarong (12+12 Unit)
5. Flat Kelas E, Blok A & B Kg Beribi (12+12 Unit) Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 147 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 15 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam
2. Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah
3. Maktab Sultan Omar 'Ali

Saifuddien
4. Sekolah Rendah Pusar Ulak
5. Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Pusar Ulak Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 148 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 17 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Menengah Sayyidina Hasan
2. Pusat Tingkatan Enam Sengkurong
3. Sekolah Rendah Mulaut
4. Sekolah Rendah Masin
5. Sekolah Menengah Masin Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 149 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 18 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Rendah Pengkalan Batu
2. Sekolah Rendah Panchor Murai
3. Sekolah Rendah Panglima Barudin Limau Manis
4. Sekolah Rendah Bebuloh
5. Sekolah Rendah Junjongan Daerah Brunei Muara

**DA / JKSH / 150 / 2024 / 2025
[UPPK-DIS-2024]**

BM ZON 19 Kontrak Penggal bagi Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk 22 Bulan.

1. Sekolah Rendah Lumapas
2. Sekolah Menengah Awang Semaun
3. Flat Kelas F, Blok F1 & F2 Awang Semaun (6+6 Unit)

4. Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun
5. Pusat Kerjasama Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar (STEP)
6. Akademi Kepimpinan Dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA)
7. Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab
8. Sekolah Rendah Kasat
9. Sekolah Rendah Putat Daerah Brunei Muara

**Bayaran Yuran
Sebut Harga :**
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
4 Januari 2025.
Jam 9.00 Pagi.



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0045 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
"Maintenance And Repair of The Existing Anchorage Marine Buoys and The Existing Mooring System at Designated Commercial Fishing Vessel Anchorage Area, Department of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0046 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
"To Supply and Delivery of Disinfectant Chemicals for Aquaculture Industry Division, Department of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0047 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
"Repair Work At Block E, Muara Fisheries Complex, Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0048 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
General Repair of Vehicle Toyota Hilux BG878, Department of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0049 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
"Soil Investigation Works for New Extention of Duo O Duo Substation At Lot 10029 And Asilati Substation, Kg Keramut, Mukim Telisai, Daerah Tutong"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0050 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
"Repair Works of Slipway Area And Guard House At Jetty, Muara Fisheries Complex"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0051 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
"Replace, Supply And Install 150a Electrical Sea Water Intake Pump Control Panel And 400a MSB Panel At Keramut Sea Water Intake Pump Station"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0052 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
"Road Repair & Resurfacing Works At Main Entrance Muara Fisheries Complex, Department Of Fisheries"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 9 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Dan Tajuk Tawaran :

AUD / BPK / UTM /

Q&T / 2024-2025 / 12

Membeli Peralatan Toner

Bagi Mesin Pencetak

Printer Lexmark CS622DE

Mesin Pencetak :

Toners Printer

Lexmark CS622DE

Keterangan Pembekal:

Black Extra High

Parts Number:

78C3XK0

(Yield 8.5K Pages)

Unit Diperlukan:

3

Keterangan Pembekal:

Yellow Extra High

Parts Number:

78C3XY0

(Yield 5K Pages)

Unit Diperlukan:

4

Keterangan Pembekal:

Magenta Extra High

Parts Number:

78C3XM0

(Yield 5K Pages)

Unit Diperlukan:

4

Keterangan Pembekal:

Cyan Extra High

Parts Number:

78C3XC0

(Yield 5K Pages)

Unit Diperlukan:

4

Keterangan Pembekal:

Waste Toner Bottle

Parts Number:

78C0W00

(Yield 25 K Pages)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,

14 Januari 2025.

Jam 2.00 Petang.




**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
JBBSB / SH / 2024-2025 /
65 / UP / 16

Tajuk Sebut Harga:
Six (6) Month Term Contract For
Rubbish Collection At Gerai
Malam Tamu Selera, Jalan Dato
Taib Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
26 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2024 - 2025 /
66 / UPA / 07

Keterangan Tawaran :
The Management and Operation
of Car Parks In Bandar Seri
Begawan Central Business
District for Six (6) Months

Yuran Pentadbiran :
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis,
26 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 253(3)
Transportation Services To
Ferry Gurkha School Children
For Gurkha Security Unit
(GSU) – Five (5) Years
Contract With An Option Of
Three (3) Years Extension

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
 Isnin, 13 Januari 2025.

Tarikh Tutup
Tawaran:
Selasa,
28 Januari 2025.
2.00 Petang.


**PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Notis Sebut Harga
Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:
6 / SEPTEMBER / 2024 /
PSB / PD.575:

Mencetak, Membekal
Dan Menghantar Buku
Dan Majalah Terbitan
Pusat Sejarah Brunei

Tarikh Tutup
Sebut Harga :
Khamis,
9 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bahagian Khidmat
Bakti Negara [BKBN]
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
3 / DISEMBER / KKBS /
BKBN / 1.40 / 24

Tajuk Sebut Harga:
Pembuatan, Pembekalan Serta
Penghantaran Buku Program,
Folder Sijil Dan Sijil-Sijil Bagi
Program Khidmat Bakti Negara
(PKBN) Pengambilan Ke-13

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
2 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
09 / BBS / SDEIBKB /
2024-2025

Keterangan Projek:
Supply and Delivery of Electrical
Items for Jabatan Bandaran
Kuala Belait and Seria

Bilangan Tawaran:
17 / BBS / SDSFJBKB /
2024-2025

Keterangan Projek:
Supply And Delivery Sanitary
Fittings for Jabatan Bandaran
Kuala Belait and Seria

Bilangan Tawaran:
03 / BBS / SDMSPGCEMF
BKBS / 202+2A25

Keterangan Projek:
Supply And Delivery of Machinery
Spare Parts, Grass Cutting Safe
Equipments / Materials and
Electrical Equipments

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
7 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BIOS / LTK / ASET /
01 / 2024 - 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Membekal Satu (1) Unit
Kereta Pacuan Empat Roda
(4WD) SUV Vehicle
Bagi Kegunaan Bahagian
Biosekuriti dan Akses Pasaran.

Tarikh Tutup
Sebut Harga :
31 Disember 2024.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Taklimat :
16 & 24 Disember 2024.
Isnin,
Jam 9.00 Pagi.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND15.00 (Tidak dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pembekal-Pembekal Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori :
KA01 & M03 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
31 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran:
7 Januari 2025.

Bil Tawaran:
JKR / DWS / 038 / 2024

Tajuk:

Kontrak Penggal bagi Kerja
Pemeliharaan Sistem Chlorine
Peralatan dan Personal Protective
Equipment di Loji Rawatan Air
Daerah Brunei-Muara, Belait,
Tutong dan Temburong
(2025-2028) (Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**


IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU**
SAHAJA.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

IMBASAN MINGGUAN



ANTARA persembahan tarian yang dipersembahkan semasa Festival Media Kreatif bagi Tahun 2024 bertempat di Jerudong Park, Amphitheatre. - Foto : Alishahrin Haji Mumin

SEBAHAGIAN pengunjung semasa menyaksikan Pameran Seni Untuk Semua (Art For All - AFA) sempena Sambutan Hari Antarabangsa OKU 2024.

- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



KETIBAAN para anggota daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) disambut penuh riang gembira oleh ahli keluarga masing-masing setelah selesai melaksanakan misi pengaman selama 12 bulan dengan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) bermula dari 14 November 2023 sehingga 16 November 2024. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SESI memanaskan badan sebelum memulakan Walkaton Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bersempena Program Ke Temburong Bisai (KTB) Edisi Borneo Bike Gathering. - Foto : Mohammad Hasif Matzin

ANTARA yang menyertai Pesta Ria Inklusif sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) yang mengambil tempat di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara, di sini. - Foto : Dk. Nur Haifilah Pg. Osman

جوالن سالینان کهمبر ۲ دیکنیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima
pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
Iaman galeri Infoto (www.infoto.gov.bn)
dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil
oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

JAGA SOLAT, BERDOA KUNCI RAIH KEJAYAAN



DAYANG Hajah Harteenah binti Haji Metusin bersama Dayang Nur Raudhatul Zahraa' binti Junaidi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. – Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (bagi calon-calon Tahun 10/11) di Sekolah-sekolah Menengah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah dikeluarkan baru-baru ini.

Sehubungan itu, Pelita Brunei telah membuat pendekatan bersama ibu bapa mengenai penerimaan dan pandangan terhadap keputusan SPUB anak-anak mereka.

Dayang Hajah Harteenah binti Haji Metusin semasa ditemui

menzhirkan rasa syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau sekeluarga juga, merasa amat gembira dan terharu atas pencapaian keputusan anaknya iaitu Dayang Nur Raudhatul Zahraa' binti Junaidi yang menuntut di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Menurutnya lagi, pencapaian yang diperoleh ini merupakan hasil usaha gigih anak beliau dan berkat doa daripada ahli-ahli keluarga dan guru-guru.

Menyentuh mengenai dorongan yang diberikan, jelasnya, beliau

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Dayang Hajah Harteenah binti Haji Metusin

sekeluarga sentiasa memberikan sokongan, semangat, dan motivasi.

Sebagai ibu bapa, katanya, mereka mestilah menjadi pendorong kepada anak-anak, memberi masa untuk mengulangkaji pelajaran, sentiasa memantau dan bertanya mengenai pelajaran yang mereka tidak faham, tidak memberikan tekanan, serta menghantar ke kelas tambahan dan tuisyen.

Selain itu juga, ujarnya, perkara penting ialah sentiasa melakukan solat dan selalu berdoa kepada-Nya.

Dayang Hajah Harteenah seterusnya berkongsi bahawa anaknya merancang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam pada itu, Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei dalam siaran akhbar baru - baru ini menyatakan, daripada seramai 592 calon yang menduduki Peperiksaan SPUB, seramai 351 calon (59.29 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Jayyid (Kepujian) dalam semua mata pelajaran yang diduduki (meningkat sebanyak 12.30 peratus daripada pencapaian tahun 2023).

Sementara itu, 513 calon (86.66 peratus) telah memperoleh sekurang - kurangnya empat pangkat Jayyid (Kepujian) dalam mata - mata pelajaran yang diduduki. Daripada jumlah ini (592 calon), seramai 127 orang calon (21.45 peratus) telah berjaya

memperoleh agregat 6-8. Calon-calon yang layak dan berminat untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat Pra U di Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah (SMALHB) bolehlah mengambil borang pendaftaran / kemasukan ke sekolah ini bermula pada Isnin, 23 Disember 2024M bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari di SMALHB, KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA2111, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh akhir bagi mengembalikan semula borang tersebut ke sekolah berkenaan ialah pada Sabtu, 4 Januari 2025M.

جایتن ڪجي حجا ڀونـي داـلـلـاسـلاـمـه
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERaan
AWDA MELUNCUR

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

Facebook: bruneaweather | Instagram: @brunei.weather | Weather Line 114 | www.met.gov.bn

مقرنکنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦرعن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



Rentetan Peristiwa Sepanjang Tahun 2024

SIRI PERTAMA

TAHUN 2024, tumpuan dunia lebih kepada ketidaktentuan cuaca seperti masalah bencana alam iaitu ribut serta banjir di seluruh dunia yang meragut nyawa. Pada tahun ini juga, isu Palestin masih lagi mewarnai peristiwa dunia. Peristiwa yang berlaku diharap akan menjadi pembelajaran untuk dijadikan panduan agar kita menjalani kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang dan sebagai motivasi diri agar selalu berusaha melakukan segala sesuatu dengan lebih baik lagi dan penuh waspada. Rentetan 2024 membawa awda semua mengingat semula peristiwa yang berlaku sepanjang tahun ini.

SEAMEO VOCTECH capai pensijilan ISO 9001:2015, ISO 21001:2018

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Januari. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Pusat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional terkemuka di Asia Tenggara, mengumumkan kejayaannya untuk kedua-dua pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO 21001:2018. Pencapaian penting ini menggariskan dedikasi pusat yang tidak berbelah bahagi untuk menyampaikan perkhidmatan pendidikan, latihan, penyelidikan dan perundingan berkualiti tinggi, menjadikannya sebagai Pusat SEAMEO pertama yang memperoleh pengiktirafan dwi ini.

Berangkat mempengurusan Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Adat Istiadat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Adat Istiadat yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Jabatan Perdana Menteri.

Mempelai Diraja berseri di Singgahsana

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Lembaran sejarah adat istiadat diraja yang penuh keunikan, bertradisi dan ketertiban tercipta dengan berlangsungnya Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam yang penuh gemilang di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada penghidap Scoliosis

JERUDONG, Isnin, 22 Januari. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah Pusat Pakar Pantai Jerudong menjelaskan bahawa Program Scoliosis ditubuhkan oleh Jabatan Neurosurgeri, PJSC dengan matlamat utama untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada penghidap Scoliosis di negara yang menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada penghidap Scoliosis Brunei Darussalam.

NBD raih kecemerlangan pada ASEAN Tourism Standards Awards

REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Sabtu, 27 Januari. - Penyampaian The ASEAN Tourism Standards Awards telah diadakan pada 26 Januari yang lalu di The Landmark Mekong Riverside Hotel, Republik Demokratik Rakyat Lao. Pada anugerah tersebut, satu entiti (*entity*) dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menerima The 4th ASEAN Clean Tourists City iaitu Kuala Belait. Manakala Anugerah The 9th ASEAN Green Hotel pula diberikan kepada Radisson Hotel. Selain itu, NBD juga turut mencapai kecemerlangan di mana Anugerah The 4th ASEAN MICE Venue (Meeting Room) juga dianugerahkan kepada tiga lagi entiti (*entity*) iaitu Radisson Hotel, The Empire Brunei dan An-Naura Hall, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Seterusnya, Anugerah The 1st ASEAN MICE Venue (Exhibition Venue) diberikan kepada The Empire Brunei. Dalam masa yang sama, Freme Travel pula menerima Anugerah The 4th ASEAN Sustainable Tourism Award (Gastronomy Tourism Theme).

Doa kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak

JERUDONG, Ahad, 28 Januari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak masjid berkenaan. Majlis juga turut diselajurkan dengan penyampaian cenderahati kenangan kepada mantan pegawai-pegawai masjid yang pernah bertugas di masjid tersebut yang disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis.

Platform memahami hak, tanggungjawab serta perlindungan warga emas

BERAKAS, Khamis, 1 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Perundangan Islam, meneruskan lagi Klinik Undang-Undang Syariah yang bertemakan 'R'iayah Warga Emas' bagi Daerah Brunei dan Muara bertempat di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Airport Lama, Berakas. Klinik dikendalikan oleh tenaga penasihat daripada pelbagai agensi kerajaan, iaitu Jabatan Pembangunan Masyarakat; Mahkamah Syariah; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal; Bahagian Pendakwaan Syarie, Bahagian Penguatkuasaan Ugama dan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU.

Berganding bahu meningkatkan keselamatan siber

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Februari. - Mesyuarat Menteri Digital ASEAN (ADGMIN) Ke-4 diadakan pada 1 hingga 2 Februari 2024 di Republik Singapura. Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menghadiri Mesyuarat ADGMIN Ke-4 dan Rakan Dialog dan Pembangunan ASEAN yang berkaitan dengan China, Jepun, Republik Korea, India, Amerika Syarikat dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) dengan tema 'Building an Inclusive and Trusted Digital Ecosystem'.

WDS 2024 ketengahan teknologi masa depan pertahanan

RIYADH, Isnin, 5 Februari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Pameran Pertahanan World Defense Show 2024 (WDS 2024) Edisi Kedua yang berlangsung dari 4 hingga 8 Februari 2024 di Riyadh, Arab Saudi.

NBD - UAE meterai perjanjian pertukaran pengalaman pembangunan, pemodenan kerajaan

DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU, Selasa, 13 Februari. - Ke arah mengukuhkan komitmen dan kerjasama dalam memajukan dan memodenisasi Perkhidmatan Awam kedua-dua buah negara, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kementerian Hal Ehwal Kabinet, Emiriah Arab Bersatu (UAE) memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pertukaran pengalaman bagi pembangunan dan pemodenan kerajaan, yang akan mencetuskan perkongsian strategik melalui Government Experience Exchange Programme (GEEP), yang berlangsung pada satu Majlis Penandatanganan di Madinat Jumeirah, Dubai, UAE. Dengan penandatanganan MoU berkenaan, NBD merupakan negara ahli ASEAN pertama yang menyertai program berkenaan, dan membuka peluang untuk berkongsi pengalaman dan seterusnya mempelajari amalan terbaik antara kedua-dua buah negara.

>> Muka 21





>> Muka 20

Berkenan berangkat ke Upacara Perasmian Perkhidmatan

RIMBA, Rabu, 14 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perasmian Perkhidmatan bagi dua daripada empat buah Pesawat C295MW baharu bagi Tentera Udara Diraja Brunei di Pangkalan Tentera Udara Rimba.

Perasmian Kumpulan Sukarelawan Kemanusiaan Perbadanan TAIB

BERAKAS, Khamis, 15 Februari. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) secara rasmi menubuhkan Kumpulan Sukarelawan Kemanusiaan bersama Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam. Majlis perasmianya berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Berangkat hadiri Upacara Pengebumian Mantan YDP Negeri Sarawak

KUCHING, SARAWAK, Khamis, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Kuching, Sarawak, Malaysia untuk menghadiri Upacara Pengebumian Negeri bagi Allahyarham Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud, mantan Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berkenan merasmikan Pembukaan Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang

MERAGANG, Jumaat, 1 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang bagi menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda.

Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah DYMM ke KUPU SB

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

Berangkat ke Majlis Bersama Penuntut-penuntut, Rakyat dan Penduduk NBD di Australia, New Zealand

MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Bersama Penuntut-penuntut, Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Australia dan New Zealand yang berlangsung di Hotel Park Hyatt Melbourne. Berangkat mengiringi ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri New Zealand

MELBOURNE, AUSTRALIA, Selasa, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri New Zealand, Right Honourable Christopher Luxon di Park Hyatt Melbourne. Juga berangkat, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

'Abdul Mateen.

Berkenan berangkat ke Semarak Perdana Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Semarak Perdana Negara Brunei Darussalam : Persembahan Dron dan Bunga Api bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Penghantaran Bantuan Kemanusiaan ke Palestin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dana daripada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 (TKP 2023) berjumlah USD1,050,000 (yang dianggarkan sebanyak BND1,399,545) telah digunakan untuk menghantar bantuan kemanusiaan dalam bentuk barang ke Palestin secara *air drop* (payung terjun) berupa paket makanan yang siap sedia untuk dimakan (*meals ready to eat*) yang tahan lama yang jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 5,920 paket.



2 SYARIKAT DIKOMPAUN AKIBAT BUANG SAMPAH MERATA TEMPAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) telah mengeluarkan kompaun ke atas Syarikat Stonecity Development yang menjalankan projek pembinaan di Kawasan Kampung Tanjong Bunut kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Manakala dalam operasi berasingan, JDBM bersama Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mengenakan denda kompaun ke atas Syarikat Shawlin Welding and Construction Company kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Syarikat-syarikat tersebut diarahkan membersihkan tempat berkenaan dan juga diberi tempoh tujuh hari untuk melunaskan denda berkenaan, jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan - Kesalahan Rampaian (Penggal 30) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND30,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau



ANTARA kesalahan yang didapati semasa operasi dilaksanakan (atas, atas kiri dan bawah kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

kedua-duanya sekali.

Pihak Jabatan juga memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah

yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan Whatsapp +6738321581.



Lelaki tempatan miliki 10 batang rokok dikenakan denda

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemerlajaran jika gagal membayar keseluruhan denda di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairul Arni menjatuhkan hukuman tersebut di Mahkamah Majistret, hari ini setelah Muhammad Rasyid bin Haji Omardani, 30 tahun, mengaku bersalah kerana memiliki 10 batang rokok tanpa kebenaran yang sah.

Defendant ditangkap oleh Pegawai-pegawai Pencegah Kastam, Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (Cawangan Bandar Seri Begawan), di sebuah rumah kawasan Kampung Tanjung Nangka pada 7 Februari 2024, jam 1.15 pagi.

Se semua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

2 syarikat, 7 individu dikeluarkan kompaun



ANTARA kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30) (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Disember. - Bahagian

Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara



telah mengeluarkan kompaun ke atas dua buah syarikat dan tujuh individu kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Syarikat Mita Mehedi Sdn. Bhd. dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000, manakala Syarikat Mullah Sdn. Bhd. dikenakan denda kompaun sebanyak BND1,000.

Sementara tujuh individu yang dikenakan denda kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah akta berkenaan ialah Lim Tong Nam dikenakan denda sebanyak BND500. Manakala, Lai Yan Khiong, Najib bin Sulai, Abd. Rahim bin Sulai, Md. Delowar Hossen, Fatin Nikmatul Firdaus pula masing-masing dikenakan denda sebanyak BND300. Sementara, Ferdinand Angga Firmansyah dikenakan denda sebanyak BND100.

Kesemua syarikat dan individu-individu tersebut diberi tempoh tujuh hari untuk melunaskan denda berkenaan, jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu manakala bagi syarikat tidak melebihi BND30,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak jabatan juga memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan Whatsapp +6738321581.



ePaper Pelita Brunei



BANDARKU CERIA TERUS MERIAHKAN MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN



BANDARKU Ceria terus memeriahkan musim cuti persekolahan dengan kunjungan daripada orang persendirian dan ahli keluarga sebagai tempat beriadah di hujung minggu.

Berita dan Foto :
Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Disember – Tempoh cuti panjang pada musim cuti persekolahan bulan Disember kini berbaki kurang daripada dua minggu.

Sudah semestinya cuti persekolahan telah banyak memberikan peluang kepada kanak-kanak atau pelajar untuk melakukan pelbagai aktiviti menarik.

Lazimnya, ramai yang melancong ke

luar negara, namun sesetengah daripada mereka memilih untuk bercuti di dalam negara dengan mengunjungi pelbagai destinasi menarik atau melakukan aktiviti lain bersama keluarga.

Antara tempat yang menjadi tumpuan ialah Bandarku Ceria, di mana ia terus memeriahkan musim cuti persekolahan yang dikunjungi oleh orang persendirian dan ahli keluarga sebagai tempat beriadah di hujung minggu.

Tinjauan Pelita Brunei di ibu negara di

sini pada pagi ini mendapati Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan kawasan sekitarnya mula dikunjungi orang ramai seawal jam 7.00 pagi untuk melakukan pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga.

Salah seorang pengunjung dari Kampung Lugu, Dayang Siti Norhaniza binti Haji Othman, berkata memandangkan cuti persekolahan akan berakhir, mereka sekeluarga mengambil kesempatan untuk terus menggalakkan

anak-anak melakukan aktiviti berfaedah seperti beriadah.

Menurutnya, hari-hari cuti persekolahan perlu diisikan dengan perkara yang banyak memberi manfaat kepada anak-anak, terutama aktiviti bebas daripada gajet serta aktiviti yang mengarah kepada gaya hidup sihat.

Beliau menambah, cuti persekolahan seharusnya tidak disia-siakan kerana inilah masanya untuk kita berkumpul dan meluangkan masa bersama keluarga.

Eratkan silaturahim melalui badminton persahabatan



PARA peserta yang menyertai Perlawanan Badminton Persahabatan di antara Pasukan PGMF (Pengiran Haji Mohammad Family) dan PVT Team di Kompleks Sukan Menglait, Gadong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Disember. – Pasukan PGMF (Pengiran Haji Mohammad Family) dan PVT Team mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan, yang diadakan di Kompleks Sukan Menglait, Gadong.

Seramai 30 pemain menyertai perlawanan tersebut yang terdiri dari keluarga besar pasukan PGMF dan pasukan PVT. Turut hadir, Pengiran Metussin bin Pengiran Haji Mohammad selaku Pengurus pasukan PGMF.

Berita dan Foto : Ihsan Pasukan Pengiran Haji Mohammad Family

Objektif utama perlawanan persahabatan tersebut diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim serta merapatkan lagi institusi kekeluargaan

melalui aktiviti sukan yang telah lama diperlakukan sekali gus menyahut saranan kerajaan ke arah 'Menuju ke Arah Warga Sihat' khususnya kepada generasi baharu.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERSABAR KETIKA MENGHADAPI UJIAN DAN CABARAN